



Sebahagian kakitangan kakitangan dan penuntut menjayakan Majlis Korban Perdana di pekarangan Masjid Universiti Malaysia Pahang.

UMP teruskan tradisi korban

KUANTAN - Setiap tahun sudah menjadi tradisi Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan ibadah korban untuk diagihkan kepada fakir miskin, penduduk setempat dan sekitar, khususnya kepada warga UMP, Gambang, Seri Fajar dan Mahkota Aman.

Pada tahun ini, sebanyak empat lembu dan tiga kambing dikorbankan pada Majlis Korban Perdana di pekarangan Masjid UMP, di sini.

Program anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIPI), UMP yang dihadiri 80 kakitangan dan penuntut yang datang membantu menyembelih, memotong, melapah dan mengagihkan daging korban.

Pengarah PIPI, Zuridan Mohd Daud berkata, program sebegini mampu mendidik warga UMP agar terus

melaksanakan ibadah korban sebagai pemangkin untuk memperjuangkan Islam negara ini.

“Sebenarnya, ibadah korban ini mampu menghindarkan manusia daripada sifat-sifat negatif seperti kedekut, bakhil, tamak, takbur dengan kekayaan yang diberikan oleh Allah SWT.

“Selain itu, korban dapat memupuk budaya bergotong-royong dan bekerjasama serta ukhuwah dalam kalangan warga UMP daripada pelbagai lapisan umur,” katanya.

Hadir sama ialah Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi UMP, Prof Dr Abdullah Embong, dekan dan ketua jabatan.

Program tamat kira-kira jam 1 petang hasil kerjasama yang diberikan semua warga UMP.